

# Bengkel RMK-10 Penentu Hala Tuju UniMAP

Kejayaan dan kecemerlangan Universiti Malaysia Perlis keseluruhananya bergantung penuh kepada perancangan dan idea warga UniMAP keseluruhananya, kata Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Menurut beliau, daya imaginasi dan kekuatan berfikir yang melebihi keperluan biasa dapat mendokong usaha pelaksanaan perancangan realistik UniMAP dalam merealisasikan pembangunan kampus tetap dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK 10).

"Sebelum ini, dalam merangka pelaksanaan pembangunan bagi RMK 9, UniMAP hanya melibatkan kumpulan pemikir yang kecil sahaja dan ia menyebabkan berlaku sedikit kesukaran dan masalah sewaktu pelaksanaan.

"Justeru, pada kali ini, saya merasakan adalah perlu untuk melibatkan semua ketua jabatan dan dekan pusat pengajian dalam menentukan arah tuju dan menggalakkan percambahan idea bagi pembangunan dalam tempoh 2011-

2015," katanya. Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Perancangan Projek-Projek Pembangunan UniMAP-RMK10 di Ballroom Hotel Seri Pacific di sini hari ini. Bengkel tersebut akan berlangsung selama dua hari membabitkan empat kumpulan teras iaitu Pentadbiran, Akademik, Pembangunan Mahasiswa dan Penyelidikan.

Dato' Prof. Dr. Kamarudin menjelaskan, tujuan utama penglibatan semua ketua jabatan dan dekan dalam perancangan tersebut ialah untuk menambahbaik sistem governan melalui penglibatan staf dalam pembuatan keputusan secara berstruktur selain mampu menjadi asas kepada prorgam pembangunan kepimpinan UniMAP.

Tidak ketinggalan, saya juga mengharapkan penglibatan lebih ramai anggota pemikir ini mampu untuk "membaca" perihal kemungkinan yang bakal berlaku di masa akan datang," katanya.



Beliau menambah, adalah menjadi harapan pengurusan tertinggi juga agar kumpulan pemikir yang dipilih ini dapat memikirkan idea tentang projek baru yang lebih realistik dan bertepatan dengan belanjawan yang diperuntukkan.

Katanya lagi, kumpulan ini juga diharapkan dapat memikirkan bagaimana idea atau perancangan yang bakal dilaksanakan itu mampu menyumbang dan memberi nilai kepada UniMAP dalam usaha untuk lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa.